

## **PERINTAH TAHANAN PENDAPATAN TENAGA: SATU TINJAUAN LITERATUR**

***Attachment of Earnings Order: A Literature Review***

***Nur Amalina Azman***

*Master Candidate, Department of Shariah and Law,  
Academy of Islamic Studies,  
University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur  
wardatulsaadah2002@gmail.com*

***Mohd Norhusairi Mat Hussin***

*Senior Lecturer, Department of Shariah and Law,  
Academy of Islamic Studies,  
University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur  
husairi@um.edu.my*

### **ABSTRACT**

*A research has been made by distributing surveys forms to the respondents consist of Shariah Lawyers from private lawfirm, Biro Bantuan Guaman, academics in institutions of higher learning and Islamic officials whom were ex-Shariah Lawyer around Selangor State. From the surveys, some problems on the enforcement of courts orders on maintenance were identified. In the enforcement order in some problems occurred which payroll deductions of ex-husbands cannot be done because of exchange workplace and employers. Besides, one of the problems is that Muslim employers or else are not cooperating in the process of deducting salary. From the surveys form, it was found that the problems occurred caused by employers as they were not being cooperative. Therefore, this survey will see how an enforcement in attachment of earnings order can be implement in alimony payments.*

**Keywords:** enforcement, attachment of earnings order, maintenance order, Shariah Courts

\* Data-data dalam artikel ini diambil daripada Projek FP030-2016 Universiti Malaya.

*Journal of Shariah Law Research* (2017) vol. 2 (1) 121-134

## **PENGENALAN**

Apabila suatu perintah yang dikeluarkan sama ada oleh Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil, ia perlu untuk dipatuhi, namun realiti yang berlaku perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah sukar untuk dilaksanakan (Shamsuriah Sulaiman, 2002: 8). Ini disebabkan kerana pihak suami yang sepatutnya mematuhi pelaksanakan perintah tidak mempunyai sikap tanggungjawab untuk melaksanakan perintah tersebut.

Bidangkuasa mengenai hal ehwal Islam adalah tertakluk kepada setiap negeri. Sesuatu perintah yang dikeluarkan di suatu negeri tidak dikuatkuasakan di negeri lain (Farid Suffian Shuaib, Tajul Aris Ahmad Bustami dan Mohd Hisham Mohd Kamal, 2001: 2008). Perintah akan menjadi lebih sukar dilaksanakan apabila pihak yang sepatutnya melaksanakan perintah mlarikan diri ke negeri lain atau ke negara luar (Zaini Nasohah, 2007: 28). Ini lebih merumitkan sesuatu perintah penguatkuasaan apabila pihak yang bertanggungan tersebut mlarikan diri dengan tujuan untuk mengelakkan diri dari perintah tersebut dilaksanakan.

Dalam peruntukan undang-undang melalui akta dan enakmen di setiap negeri, telah termaktub undang-undang mengenai penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah. Namun apa yang dapat dilihat ialah penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah tersebut masih gagal untuk dilaksanakan (*Ibid*: 28). Kegagalan tersebut menyebabkan banyak masalah mengenai nafkah anak tidak dapat diselesaikan walaupun suatu perintah telah dikeluarkan untuk pembayaran. Oleh yang demikian, Mahkamah Syariah perlu mengambil tindakan tegas agar sesuatu perintah itu dikuatkuasakan (Daud Muhammad, 2002: 11). Tindakan tegas sebegini bertujuan supaya suatu keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah tidak dipandang serong oleh masyarakat awam.

Pihak yang sepatutnya melaksanakan perintah pada kebiasaannya sudah menunjukkan keingkarannya untuk mematuhi arahan mahkamah sejak awal perbicaraan lagi (Zaini Nasohah dan Suwaid Tapah, 2002: 45). Oleh yang demikian, keingkaran tersebut akan berlaku sepanjang perbicaraan sehingga keputusan dikeluarkan oleh mahkamah. Bahkan, ia juga akan berterusan dalam penguatkuasaan perintah.

## **NAFKAH ANAK**

Menurut Shams al-Dīn Muḥammad ‘Arafah al-Dusūkī (t.t.: 522), dan ‘Abd al-Karīm Zaydān (1993: 183), memberi nafkah kepada anak adalah suatu kewajipan. Di dalam penulisan mereka tidak menghususkan siapakah

yang bertanggungjawab memberikan nafkah kepada anak. Namun di dalam banyak penulisan menyatakan bahawa bapalah yang bertanggungjawab untuk memberikan nafkah kepada anak. Ini disebabkan bapa dan anak mempunyai hubungan darah yang tidak akan putus (Mohd. Sanusi Mahmood, 1978: 140; Wahbah al-Zuhaylī, 1985: 698; Muhammad Muṣṭafā Syalabī, 1983: 843; Mimi Kamariah Majid, 1992: 134; Ahmad Ibrahim, 1999: 273; Raihanah Abdullah, 2007: 80; Ahmad Hidayat Buang, 2007: 110; Badruddin Ibrahim, 2013: 257; Nora Abdul Hak, 2007: 259; Iman Jauhari, 2012: 503). Ahmad Ibrahim (2009: 273) menyatakan bahawa di dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, memperuntukkan mengenai nafkah anak bermula dari Seksyen 72 sehingga Seksyen 80.

Namun terdapat perbezaan pendapat yang mana menurut Abī Muḥammad ‘Abd Allāh bin Aḥmad bin Muḥammad bin Qudāmah (1997: 383), Abī Ishaq Ibrahīm bin ‘Alī bin Yūsuf al-Fīrūzābādī al-Syairāzī (1995: 159), dan ‘Abd al-Karīm Zaydān (1993: 183) menyatakan bahawa tanggungjawab dalam memberikan nafkah kepada anak adalah tanggungjawab bersama antara kedua ibu bapa.

Keperluan nafkah yang perlu diberikan kepada anak merangkumi nafkah, penyusuan, pakaian, perubatan, tempat tinggal, dan perkhidmatan (Mahmud Saedon Awang Othman, 1998: 105; Wahbah al-Zuhaylī, 1985: 698). Zayn al-Dīn Ibn Nujaym al-Hanafī (2010: 188), Roslina Che Soh dan Nora Abdul Hak (2011: 2182) menambah lagi bahawa pendidikan merupakan sebahagian daripada nafkah yang perlu diberikan kepada anak. Pendidikan kepada anak-anak bertujuan agar anak tersebut mendekatkan kepada Allah SWT (Ahmad Hidayat Buang, 2007: 107).

Kajian yang ditulis oleh Raihanah Azahari, Asmak Ab Rahman, Bahiyah Ahmad (2012: 147) dan Nora Abdul Hak (2007: 265) turut membincangkan tentang *kifayāh* nafkah anak. Apabila hakim mengeluarkan sesuatu perintah nafkah anak, maka beliau perlu melihat *kifayāh* (merujuk kepada mencukupi) dan *ma’rūf* (merujuk kepada dengan cara yang baik) dalam menentukan kadar yang mana bapa mampu untuk membayar nafkah sama ada nafkah tersebut adalah nafkah tertunggak atau nafkah semasa. Kadar tersebut mestilah mengikut kemampuan bapa itu sendiri (Ahmad Hidayat Buang, 2007: 111).

Walaupun telah berlaku perceraian antara suami dan isteri, namun hak *hadānah* (Kamalruazmi Ismail, 2003: 49) adalah wajib (Iman Jauhari, 2012: 509) dan tidak terputus sehingga anak tersebut mencapai umur baligh (Shams al-Dīn Muhammad ‘Arf al-Dusūkī, t.t.: 526). Para ulama menetapkan bahawa ibu yang berhak untuk mendapat hak *hadānah* terhadap anak (Normi Abdul Malik, 2007: 179; Iman Jauhar, 2012: 513; Raihanah Abdullah, 2007: 93).

Di dalam undang-undang sivil, istilah jagaan dirujuk sebagai *custody*, manakala istilah penjagaan merujuk kepada *guardianship*. Lazimnya apabila seseorang itu mendapat hak jagaan anak secara automatik akan mendapat juga hak penjagaan. Pada kebiasaanya bapa ialah penjaga bagi seorang anak. Dalam keadaan tertentu, apabila ibu yang mendapat hak jagaan tetapi hak penjagaan diserahkan kepada bapa (Mimi Kamariah Majid, 1992: 134). Di dalam Islam, mengikut Mazhab Shāfi‘ī, hak *hadānah* tidak ditetapkan satu tempoh umur yang tertentu, tetapi apabila seseorang anak telah mencapai umur *mumayyīz*, maka anak boleh memilih sama ada untuk tinggal bersama bapa ataupun ibu (*Ibid*: 153). Namun hak *hadānah* bagi anak perempuan ialah sehingga anak tersebut berkahwin (Iman Jauhari, 2012: 509; Zanariah Noor, 2012: 126).

Sesiapa yang layak untuk menjadi penjaga kepada anak-anak hendaklah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Islam. Syarat-syarat tersebut ialah Islam, berakal, berkuasa dan mampu mengurus, amanah, sihat dan bebas dari penyakit, tempat tinggal yang selamat, mempunyai pertalian mahram (Mukhlisah Abdullah, 2006: 32), tidak fasiq (Siti Zulaikha Mohd Noor, 1989: 12) dan mampu memberi pendidikan (Wahbah al-Zuhaylī, 1985: 726), merdeka, menjauhi perkara maksiat, orang yang berasa di negeri anak asuhan dan ibu yang tidak bersuami (Mohd Sanusi Mahmood, 1978: 138). Kelayakan ini boleh ditentukan sesiapa sahaja tetapi golongan perempuan yang akan diberi keutamaan (Mukhlisah Abdullah, 2006: 27) dan ianya akan diputuskan oleh hakim. Hakim perlu menilai seseorang itu dari segi kemampuan untuk menjaga anak tersebut (Iman Jauhari, 2012: 513; Zanariah Noor, 2012: 130). Namun kelayakan tersebut akan terhenti apabila terdapat keuzuran kepada penjaga (Wahbah al-Zuhaylī, 1985: 732).

Di dalam kajian yang dibuat oleh Latifah Abd. Aziz, (2012: 129), hakim perlu membuat pertimbangan dalam menentukan hak *hadānah*, sama ada dibicarakan di Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil. Pertimbangan tersebut adalah seperti berikut:

- a) Perlu melihat keinginan dan perasaan anak tersebut.
- b) Melihat keperluan fizikal, emosi dan pendidikan anak tersebut. Kesan terhadap anak tersebut mengenai apa-apa perkara yang berubah.
- c) Berkaitan dengan umur, jantina, latar belakang dan apa-apa karakter yang berkaitan dengan anak adalah pertimbangan dari mahkamah.
- d) Apa-apa bahaya dan penderitaan yang ditanggung oleh anak dan apa-apa yang ditanggung oleh mereka.
- e) Sejauhmana kedua ibu bapa anak tersebut memenuhi kehendak mereka.
- f) Keinginan ibu bapa untuk menjaga anak tersebut.

Terdapat perbincangan tentang persoalan adakah Islam menjadi salah satu syarat untuk mendapatkan hak *haḍānah*? (Normi Abdul Malek, 2007: 194). Para ulama membahaskan bahawa jika penjaga bukan dari yang beragama Islam, mereka boleh mempengaruhi anak untuk keluar dari agama Islam (*Ibid*: 195). Seperti memberikan makanan yang haram kepada anak (Zaini Nasohah, 2010: 437).

Proses penjagaan terhadap anak merangkumi 4 peringkat iaitu *radā'ah*, *haḍānah*, *kafālah*, dan *kifāyah*. Tempoh *radā'ah* bermula dari tempoh kelahiran sehingga anak berumur 2 tahun. *Haḍānah* adalah bermula tempoh kurang dari 7 tahun dan kanak-kanak tersebut belum *mumayyiz*. Peringkat *kafālah* adalah sudah mencapai umur 7 tahun dan belum *mumayyiz* sehingga mencapai umur baligh. Manakala *kifāyah* adalah umur yang mana sudah mencapai umur baligh dan bebas dari tanggungan (Abī al-Hassan ‘Alī bin Ḥabīb al-Māwardī al-Baṣarī, 1994: 499). Namun terdapat perbezaan dari mazhab Hanafi yang menetapkan 9 tahun untuk proses penjagaan (Zanariah Mohd Noor, 2004: 48).

Aspek penyusuan juga merangkumi nafkah anak (Siti Zulaikha Mohd Noor, 1989: 3). Menurut Mawardi, tanggungjawab ibu memberi nafkah kepada anak adalah dengan menyusui anak. Adalah mustahil apabila tanggungjawab tersebut diserahkan kepada bapa kerana bapa tidak dapat menyusui anaknya sendiri (Abī al-Hassan ‘Alī bin Ḥabīb al-Māwardī al-Baṣarī, 1994: 480).

Menurut Wahbah al-Zuhaylī (1985: 698), Shams al-Dīn Muhammd Abī ‘Abbās Aḥmad Hamzah Ibn Shihāb al-Dīn al-Ramlī (2002: 222) dan Siti Zulaikha Mohd Noor (1989: 4) dalam penulisan mereka, ulama mazhab Shāfi‘ī berpandangan bahawa tanggungjawab nafkah anak tidak diwajibkan kepada ibu apabila tidak berlaku keadaan-keadaan tertentu. Keadaan tersebut ialah apabila tidak ada pihak lain yang sudi untuk menyusui anak tersebut, anak tersebut tidak mahu disusui oleh orang kecuali ibunya, dan bapa atau anak tersebut tidak mempunyai harta. Dalam tiga keadaan ini, ibu perlu untuk memberi nafkah kepada anak. Menurut Imam Mālik, *raḍā'ah* wajib kepada ibu (Wahbah al-Zuhaylī, 1985: 701).

## PENGUATKUASAAN DAN PELAKSANAAN

Penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah di bawah Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 yang memperuntukkan dari Seksyen 148 sehingga Seksyen 174, sama ada melalui perintah pembayaran wang, perintah pemilikan harta tak alih, perintah penghantar serahan harta alih, perintah pengkomitan sebagai pilihan terakhir, perintah pemenjaraan kerana menghina mahkamah (Seksyen 229: Akta

Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) dan prosiding saman penghutang penghakiman, penyitaan dan penjualan (Levi), prosiding *hiwālah*, penyitaan dan penghantarserahan (harta alih), penyitaan dan pemilikan (harta tak alih) dan tahanan pendapatan tenaga.

Menurut Zaini Nasohah dan Suwaid Tapah (2002: 45) mengenai penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah di bawah Prosiding Mal yang mana ianya merangkumi Seksyen 148 mengenai Perintah pembayaran wang, Seksyen 149 Perintah pemilikan harta tak alih, Seksyen 151 Perintah pengkomitan sebagai pilihan terakhir kepada tindakan di bawah Sekseyen 148, Seksyen 149 dan Seksyen 150, Seksyen 175 sehingga Seksyen 185, Prosiding Saman Penghutang Penghakiman dan Seksyen 229, Perintah Pengkomitan disebabkan penghinaan kepada mahkamah (Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan).

Dalam penulisan Zaini Nasohah (2007: 269), Suwaid Tapah (2002: 45), Mohd Nadzri Abdul Rahman Ibrahim (2010: 211) dan Marhayu Abd. Jamai (2012: 58), terdapat tiga cara dalam melaksanakan Perintah Pembayaran Wang, iaitu dengan cara perintah penyitaan dan penjualan, Saman Penghutang Penghakiman, prosiding *hiwālah* atau perintah pengkomitan. Di bawah Perintah harta tak alih dan perintah bagi penghantarserahan harta alih, perintah ini boleh dikuatkuasakan melalui satu atau lebih cara iaitu perintah pengkomitan sebagai tambahan (Mohd Nadzri Abdul Rahman Ibrahim, 2010: 2013).

Di bawah Perintah Pembayaran Wang, Zaini Nasohah (2007: 269), Marhayu Abdul Jamai (2010: 46) dan Mohd Nadzri Abdul Rahman Ibrahim (2010: 212), menyatakan bahawa terdapat tiga cara dalam melaksanakannya, iaitu dengan cara perintah penyitaan dan penjualan, melalui prosiding *hiwālah* atau perintah pengkomitan. Di dalam perintah penyitaan dan penjualan sesuatu yang ingin disita atau dijual mestilah mempunyai nilai yang sama dengan dengan jumlah tunggakan seperti di dalam perintah. Di dalam melaksanakan perintah ini, pihak suami perlu mempunyai harta yang mana harta tersebut boleh disita dan dijual (Shamsuriah Sulaiman, 2002: 3).

Bailif bertanggungjawab untuk mengambil harta yang berkenaan dan bailif perlu menjaga harta tersebut dan melakukan proses penjualan. Peranan bailif sangat penting dalam melaksanakan perintah ini (Kamalruazmi Ismail, 2003: 110). Jika berlaku kecuaian daripada pihak bailif, harta tersebut tidak boleh disita dan dijual dan Pembiutang Penghakiman tidak menerima apa-apa bayaran dari kecuaian tersebut. Dalam satu kajian (Zaini Nasohah, t.t.: 126) menunjukkan bahawa apabila perintah ini digunakan, ianya akan gagal dilaksanakan. Penambahan bagi perintah pembayaran wang adalah melalui

Perintah Tahanan Pendapatan Tenaga (Kamalruazmi Ismail, 2003: 49; Marhayu Abdul Jamai, 2010: 43).

Melalui Perintah Pemilikan Harta Tak Alih, perintah boleh dilaksanakan dengan Perintah Pemilikan atau Pengkomitan (Zaini Nasohah, 2007: 271; Mohd Nadzri Abdul Rahman Ibrahim, 2010: 213). Perintah Pemilikan Harta Tak Alih, prosiding akan berlaku apabila harta yang dimilik oleh Saman Penghutang Penghakiman mencukupi dengan nilai hutang di dalam perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah (*Ibid*: 213). Apabila ada permohonan, Pendaftar akan menyemak, mendaftar dan mengeluarkan perintah pemilikan kepada bailif. Bailif akan merekod tarikh dan masa menerima perintah dari Pendaftar. Bailif seterusnya akan melakukan tugasnya apabila menerima bayaran dari Pemutang Penghakiman dan Pendaftar akan mengeluarkan resit penerimaan dan menetapkan tarikh pemilikan dan mengeluarkan suatu arahan kepada bailif supaya Pemutang Penghakiman atau wakilnya hadir pada hari penyitaan dijalankan.

Seterusnya bailif akan hadir ke alamat yang seperti yang dicatatkan. Apabila bertemu dengan Penghutang Penghakiman, bailif akan memperkenalkan diri dan memberi arahan agar mengosongkan harta tak alih dalam masa 7 hari. Setelah 7 hari bailif akan datang semula dan jika harta telah dikosongkan, maka pemilikan akan diserahkan kepada Penghutang Penghakiman dan kes boleh ditutup. Jika harta tidak dikosongkan maka permohonan pengkomitan boleh dilakukan oleh Pemutang Penghakiman. Setiap prosedur ini perlu diikuti untuk perintah Pemilikan Harta Tak Alih ini berkesan dalam Penghutang Penghakiman melaksanakan nafkah anak dan ianya boleh diaplikasikan bagi kes-kes nafkah anak yang lain apabila perintah tersebut tidak dilaksanakan (Shamsuriah Sulaiman, 2002: 3).

Di dalam perintah *hiwālah*, bailif perlu menahan harta yang disebut dalam notis *hiwālah* yang mana prosiding *hiwālah* ini ialah prosiding di mana sesuatu tunggakan berlaku pemindahan kepada orang lain iaitu kepada Pemutang Penghakiman (Kamalruazmi Ismail, 2003: 110; Mohd Nadzri, 2010: 230). Prosiding *hiwālah* melibatkan pihak ketiga yang mana pihak ketiga berhutang dengan Penghutang Penghakiman. Hutang tersebut perlu dibayar kepada Pemutang Penghakiman. Namun prosiding ini tidak dipohon dalam penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah kerana berlaku kesukaran kepada pemohon untuk menentukan secara tepat nilai harta Penghutang Penghakiman (Marhayu Abdul Jamai, 2010: 48). Dalam satu kajian oleh Zaini Nasohah (t.t.: 126), perintah ini jarang dilaksanakan kerana peruntukan mengenai perintah ini kurang jelas dan mengelirukan.

Saman Penghutang Penghakiman adalah prosiding “*post trial*” untuk menguatkuasakan Perintah Pembayaran Wang (Mohd Nadzri Abdul Rahman Ibrahim, 2010: 235). Ianya bertujuan untuk memaksa Penghutang Penghakiman hadir ke mahkamah untuk pemeriksaan kemampuan membayar hutang seperti yang yang telah diperintahkan (Zaini Nasohah, 2007: 282; Marhayu Abd. Jamai, 2010: 51; Suwaid Tapah, 2001: 46). Di dalam prosiding ini, suatu saman perlu dihantar kepada Penghutang Penghakiman 7 hari sebelum tarikh pendengaran. Pada hari pendengaran, jika Penghutang Penghakiman hadir pada hari perbicaraan, maka pemeriksaan boleh dilakukan. Namun jika Penghutang Penghakiman tidak hadir pada hari perbicaraan, hakim boleh mengeluarkan perintah agar penghutang penghakiman ditangkap dan dibawa untuk pemeriksaan (Zaini Nasohah, 2007: 281).

Perintah pengkomitan sebagai pilihan terakhir yang mana perintah ini dikeluarkan akibat keingkanan dalam melaksanakan perintah mahkamah. Menurut Marhayu Abdul Jamai (2010: 61) dan Mohd Nadzri Abdul Rahman Ibrahim (2010: 247), prosedur perintah pengkomitan ini dibuat secara *ex parte* yang disokong dengan Affidavit Sokongan Pemohon (Mawardi Che Man, 7: 2012). Di bawah prosiding ini Penghutang Penghakiman perlu hadir ke mahkamah pada tarikh yang telah ditetapkan. Penghutang Penghakiman perlu memberi alasan kepada mahkamah bahawa Penghutang Penghakiman tidak patut dipenjarakan. Sekiranya gagal hadir ke mahkamah, perintah tangkapan boleh dikeluarkan oleh mahkamah (Zaini Nasohah, 2007: 277). Pengkomitan merupakan cara yang terakhir untuk Penghutang Penghakiman untuk membayar nafkah. Cara ini merupakan di antara cara yang berkesan untuk Penghutang Penghakiman membayar nafkah kerana Penghutang Penghakiman akan merasa malu apabila dimasukkan ke dalam penjara.

Penghinaan terhadap mahkamah dapat dibahagi kepada dua bentuk, iaitu jenayah dan mal. Di dalam bentuk jenayah, penghinaan dikaitkan dengan perlakuan, perbuatan, perkataan atau apa-apa tindakan yang menunjukkan penghinaan terhadap mahkamah. Di dalam bentuk mal pula merujuk kepada penghinaan dengan tindakan tidak mematuhi perintah yang telah dikeluarkan oleh mahkamah (Mawardi Che Man, 2012: 18). Apabila sesuatu perintah yang dikeluarkan tidak dipatuhi, ianya merupakan satu penghinaan kepada mahkamah. Dalam kes nafkah anak, penghinaan ini dikategorikan sebagai kesalahan penghinaan di luar mahkamah (Zaini Nasohah, 2007: 277). Ini disebabkan jumlah nafkah yang telah ditetapkan tidak dibayar oleh suami. Apabila berlaku penghinaan mahkamah dan pengkomitan, kebiasaannya akan melibatkan waran tangkap. Namun di dalam Mahkamah Syariah, waran akan diberikan kuasa kepada Pegawai Penguatkuasa Agama atau polis yang akan membuat tangkapan terhadap Penghutang Penghakiman (*Ibid*: 336). Apabila

melibatkan waran tangkap dalam kes nafkah anak, pihak polis akan turut terlibat untuk membuat tangkapan terhadap Penghutang Penghakiman.

Dalam penulisan Ibrahim Deris (2015: 102), di dalam penguatkuasaan perintah jenayah Syariah, pelaksana perlu untuk mengetahui mengenai peruntukan undang-undang. Pada tahun 2005, para pelaksana terdiri dari mereka yang berskim “S”. Kelayakan ini tidak meletakkan syarat seseorang itu mempunyai latar belakang undang-undang untuk memohon jawatan tersebut. Ini adalah kerana pelaksana ini mempunyai pelbagai latar belakang, ada yang mempunyai latar belakang undang-undang dan juga sebaliknya. Oleh kerana tidak mempunyai pendidikan yang berlatarbelakangkan undang-undang, maka apabila penguatkuasaan undang-undang jenayah Syariah dikuatkuasakan, berlaku pertikaian di dalam prosiding semakan di mahkamah. Oleh yang demikian, satu garis panduan perlu dikeluarkan untuk setiap gerak kerja dapat dilaksanakan dengan lebih baik.

Menurut pandangan Awang Salim Besar (1999: 187) dan Maznah Mohamad (1999: 257) mengenai penguatkuasaan perintah, mahkamah akan dipandang tinggi dengan melihat bagaimana cara mahkamah menguatkuasakan perintah yang dibuat. Namun di Negara Brunei, walaupun Mahkamah Kadi yang mengeluarkan suatu perintah yang diperuntukkan di bawah Akta Penggal 77, namun di dalam bab 90(1) memohon kepada Mahkamah Majistret untuk menguatkuasakan hukuman yang telah diputuskan. Mahkamah Majistret akan menganggap bahawa hukuman atau perintah tersebut seolah-olah telah dibuat oleh Mahkamah Majistret. Walaupun di dalam bab 90(2) Mahkamah Kadi mempunyai bidangkuasa untuk menguatkuasakan hukuman. Ini adalah disebabkan kurang kefahaman kadi-kadi dalam menguatkuasakan hukuman yang mana kadi-kadi akan menyerahkan kepada Mahkamah Majistret untuk menguatkuasakan hukuman. Apabila di Malaysia, perintah boleh dikuatkuasakan namun perintah yang tidak dapat dilaksanakan disebabkan kurangnya kefahaman pihak yang menuntut.

## **PERINTAH TAHANAN PENDAPATAN TENAGA**

Apabila tidak berlaku kepatuhan kepada perintah mahkamah, mahkamah boleh mengeluarkan satu perintah kepada bapa dengan Perintah Tahanan Pendapatan Tenaga (Marhayu Abdul Jamai, 2010: 43; Maznah Mohamad, 1999: 237; Kamalruazmi Ismail, 2003: 48) dengan pembayaran terus ke dalam akaun anak-anak (Jamaluddin Hashim, 2001: 162). Bagi mendapatkan perintah ini, ianya perlu dilaksanakan di bawah seksyen 4(1) Akta (Menguatkuasakan

Nafkah) Perempuan Bersuami dan Kanak-kanak 1968 (Raihanah Abdullah, 1999: 79) dan (Zaini Nasohah, 2007: 323). Seseorang bapa itu mestilah bekerja dan mempunyai pendapatan yang tetap sama ada bekerja dengan kerajaan atau swasta (Kamalruazmi Ismail, 2003: 162). Dengan kata lain, seseorang yang diperintahkan bagi menguatkuasakan Perintah Tahanan Pendapatan Tenaga perlu mempunyai majikan. Majikan perlu memberikan kerjasama dengan perintah mahkamah, jika majikan mengingkari perintah mahkamah, mahkamah boleh mengeluarkan perintah untuk pengkomitan (Daud Muhammad, 2002: 8). Perintah ini sukar untuk dilaksanakan kepada bapa yang bekerja sendiri. (Raihanah Abdullah, 2007: 90). Semua pihak perlu untuk memberi kerjasama dalam melaksanakan perintah tahanan pendapatan supaya perintah ini berkesan untuk pembayaran nafkah anak.

## KESIMPULAN

Di dalam penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah yang diperuntukkan di dalam undang-undang bertujuan untuk menguatkuasakan perintah yang diabaikan oleh bapa di dalam pembayaran nafkah kepada anak. Pelbagai penguatkuasaan dan pelaksanaan yang akan dikeluarkan oleh mahkamah mengikut kesesuaian perintah tersebut kepada bapa. Salah satu pelaksanaan perintah ialah Perintah Tahanan Pendapatan Tenaga. Di dalam perintah ini akan dikuatkuasakan dengan pemotongan gaji bapa dan akan dimasukkan ke dalam akaun anak-anak.

## RUJUKAN

- Ahmad Hidayat Buang (2007). “Status dan Hak Anak” dalam *Undang-undang Islam di Malaysia, Prinsip dan Amalan*, ed. Ahmad Hidayat Buang. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ahmad Ibrahim (1999). *Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia*. LexisNexis: Butterworth Asia.
- Awang Salim Besar (1999). “Perlaksanaan Undang-Undang Keluarga Islam” dalam *Undang-Undang Keluarga Islam dan Wanita*, ed. Abdul Monir Yaacob. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Badruddin Ibrahim & Azizah Mohd (2013). “Hak Anak Terhadap Nafkah dalam Perundangan Islam: Sejauh Manakah Bapa Bertanggungjawab Menanggung Nafkah Anaknya,” *Jurnal Muamalat*, vol. 10.
- al-Baṣarī, Abī al-Hassan ‘Alī bin Ḥabīb al-Māwardī (1994). *al-Ḥāwī al-Kabīr fi Fiqh Madhab al-Imām al-Shafī’i wa huwa Syarḥ Mukhtaṣar al-Muẓannī*, vol. 11. Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah.

- Daud Muhammad (2002). "Nafkah Permasalahan dan Penyelesaian" Seminar Keperluan Manual Mengenai Undang-Undang Keluarga Islam 4, 3-4 September 2002.
- Farid Suffian Shuaib, Tajul Aris Ahmad Bustami & Mohd Hisham Mohd Kamal (2001). *Administration of Islamic Law in Malaysia Text and Material*. Butterworth Asia: Malayan Law Journal Sdn Bhd.
- al-Hanafī, Zayn al-Dīn Ibn Nujaym (2010). *al-Bahr al-Rā'iq Sharḥ Hanz al-Daqā'iq*. Qāhirah: Dār al-Kitāb al-Islāmī.
- Ibrahim Deris & Hanifah Haydar Ali Tajuddin (2015). "Penggunaan Garis Panduan dan Etika dalam Penambahbaikan Perjalanan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Kesalahan Syariah," *Kanun*, vol. 27 (1) (Januari).
- Iman Jauhari (2012). "Kewajiban Nafkah *Hadānah* dan *Raḍā'ah* Terhadap Anak di Indonesia," *Jurnal Ilmu Syariah dan Hukum*, vol. 56/2 (Julai-Disember).
- Kamalruazmi Ismail (2003). "Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah Mahkamah Terengganu: Satu Kajian dari Aspek Keberkesanannya." Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Latifah Abd. Azizi (2012). "Pemelukan Islam Salah Seorang Pasangan Perkahwinan Sivil dan Implikasi Terhadap Hak Hadanah." Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mahmud Saedon Awang Othman (1998). "Hak Kanak-kanak Menurut Pandangan Islam" dalam *al-Ahkam Jilid 6 Undang-undang Keluarga dan Pentadbiran Harta Wakaf*, ed. Ahmad Ibrahim et al. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marhayu Abdul Jamai (2010). "Masalah Penguatkuasaan Perintah Mahkamah dalam Kes Mal di Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan, Pahang." Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mawardi Che Man, "Prosiding Pengkomitan (Seksyen 151) & Penghinaan Mahkamah (Seksyen 229) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003, 3 November 2012.
- Maznah Mohamad (1999). "Di Mana Berlaku Diskriminasi" dalam *Undang-Undang Keluarga Islam dan Wanita*, ed. Abdul Monir Yaacob. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Mimi Kamariah Majid (1992). *Undang-Undang Keluarga di Malaysia*. Kuala Lumpur: Butterworth Asia.
- Mohd Nadzri Abdul Rahman Ibrahim (2010). *Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah Prinsip dan Amalan*. Negeri Sembilan: Karya Kreatif Resources.

- Mohd. Sanusi Mahmood (1978). *Undang-Undang Keluarga dalam Islam*. Kelantan: Syarikat Dian Sdn. Bhd.
- Mukhlisah Abdullah (2006). “Pelaksanaan Perintah Hadanah di Mahkamah Syariah Kota Bharu Antara Tahun 1996 Hingga 1999.” Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nora Abdul Hak (2007). “Jaminan Nafkah Kanak-kanak” dalam *Undang-Undang Keluarga (Islam)* ed. Najibah Mohd Zin *et al.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Normi Abdul Malek (2007). “Hadanah” dalam *Undang-Undang Keluarga (Islam)* ed. Najibah Mohd Zin *et al.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Qudāmah, Abī Muḥammad ‘Abd Allāh bin Aḥmad bin Muḥammad (1997). *al-Mughnī*, ed. ‘Abd Allāh bin ‘Abd Al-Muhsin al-Tarakī, vol. 11. Dār ‘Alim al-Kutub.
- Raihanah Abdullah (2007). “Hak Nafkah dan Hadanah” dalam *Undang-undang Islam di Malaysia: Prinsip dan Amalan*, ed. Ahmad Hidayat Buang. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Raihanah Azahari, Asmak Ab Rahman & Bahiyah Ahmad (2012). “Penentuan Kadar *Kifayāh* dan *Ma’rūf* Nafkah Anak dan Isteri: Kajian Terhadap Penghakiman Mahkamah Syariah,” *Jurnal Syariah*, vol. 20 (2).
- al-Ramlī, Shams al-Dīn Muḥammad Abī ‘Abbās Aḥmad Hamzah Ibn Shihāb al-Dīn (2002). *Nihāyah al-Muhtāj Ila Syarh al-Minhāj fī al-Fiqh ‘ala Madhhab al-Imām al-Shāfi‘ī*, vol. 4. Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Roslina Che Soh & Nora Abdul Hak (2011). “Application of *Maslalah* (interest) in Deciding the Right of *Hadanah* (Custody) of A Child: The Practice in the Syariah Court of Malaysia,” *Journal of Applied Sciences Research*, vol. 7/13.
- Shamsuriah Sulaiman (2002). “Penguatkuasaan Perintah Mahkamah Syariah Berkenaan Kes-Kes Kekeluargaan Islam.” Seminar Keperluan Manual Mengenai Undang-Undang Keluarga Islam 4, 3-4 September 2002.
- Siti Zulaikha Mohd Nor (1989). *Perlindungan Kanak-kanak di dalam Islam Pelaksanaannya Menurut Undang-undang di Malaysia*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Syairāzī, Abī Isḥāq Ibrāhīm bin ‘Alī bin Yūsuf al-Fīrūzābādī (1995). *al-Muhaṣṣab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī*, vol. 3. Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1995.

- Syalabī, Muhammad Muṣṭafā (1983). *Aḥkām al-Usrah fī al-Islām Dirāsah Muqāranah bayna Fiqh al-Madhāhib al-Sunniyah wa al-Madhhab al-Ja‘farī wa al-Qānūn*. Beirūt: Dār al-Jām‘iyah.
- al-Syarbainī, Shams al-Dīn Muḥammad bin al-Khaṭīb (1697). *Mughnī al-Muhtāj Ila Ma‘rifat Ma‘anī Alfaż al-Minhāj*. Beirūt: Dār al-Ma‘rifah.
- Zaydān, ‘Abd al-Karīm (1993). *al-Mufaṣṣal fī Aḥkām al-Marāh wa al-Bayt al-Muslim fī Syarī‘ah al-Islāmiyah*, vol. 10. Beirūt: Muasasah ar-Risālah.
- Zaini Nasohah (2007). “Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah Nafkah Kajian di Mahkamah Syariah Selangor (1999-2004).” Tesis Ph.D, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Zaini Nasohah & Suwaid Tapah (2002). “Analisis Pelaksanaan Prosiding Saman Penghutang Penghakiman dalam Penguatkuasaan Perintah Pembayaran Nafkah: Kajian Kes Mahkamah Syariah Negeri Selangor,” *Jurnal Undang-Undang*, vol. 15.
- Zaini Nasohah (t.t.). “Cabaran Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah Nafkah di Mahkamah Syariah Negeri Selangor dari Perspektif Peguam Syar‘ie,” *Jurnal Undang-Undang*.
- Zaini Nasohah, Abdel Wadoud Moustafa Moursi Elseoudi & Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim (2010). “Status Agama Anak Bagi Ibubapa Yang Memeluk Agama Islam di Malaysia,” *Jurnal Syariah*, vol. 2.
- Zanariah Noor (2004). “Agama dan Akhlak: Satu Analisa Kelayakan Pengasuh dalam Kes Hadanah,” *Jurnal Syariah*, vol. 12/1.
- Zanariah Noor (2012). “Isu-isu Berbangkit dari Hak *Haḍānah* dan Hak Perwalian Anak,” *Jurnal Syariah*, vol. 20/1.
- al-Zuhaylī, Wahbah (1985). *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, vol. 7. Damsyiq: Dār al-Fikr.

### Senarai Statut

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.

